

Penduduk Mengeluh Kerap Dilanda Banjir

Oleh: Nurul Afifah Azlan, 1180053



Seorang penduduk membuat tinjauan sekeliling rumah yang terjejas di Kampung Machang Bubok, Bukit Mertajam. – Gambar hiasan

PULAU PINANG: Penduduk Kampung Machang Bubok di sini mengeluh ekoran masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan perumahan dan mereka masih buntu kerana tidak menemui jalan penyelesaian.

Zahirah Luzaai, 21, berkata, banjir sering berlaku apabila hujan turun dengan lebat mengakibatkan beberapa buah rumah yang berada di kawasan rendah akan tenggelami air, termasuk rumahnya.

"Apabila hujan, kami perlu bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan yang akan terjadi.

"Tambahan pula jika hujan sangat lebat, segala pengangkutan yang ada, motosikal mahupun kereta perlu dialihkan ke kawasan yang lebih tinggi dengan segera," katanya ketika ditemui di kediamannya petang, semalam.



Titi yang menghubungkan parit dihadapan rumah mangsa dilimpahi air banjir, semalam. –
Gambar hiasan

Dalam pada itu, jirannya, Che Baya, 59, berkata banjir yang berlaku mungkin disebabkan limpahan air hujan yang banyak, dibawa dari Sungai Kulim hingga ke parit di hadapan rumah mereka.

"Ban di hadapan rumah kami hanya mempunyai tembok di satu bahagian sahaja.

"Keadaan ban yang tidak terlalu dalam dan kekurangan tembok disekelilingnya menyebabkan air boleh melimpah dan memasuki kawasan perumahan kami," katanya.

Menurut Che Baya, beliau sebagai penduduk hanya mampu redha dan berharap agar pihak berkenaan membina konkrit dengan lebih baik untuk memastikan air tidak dapat memasuki kawasan perumahan dan mengelakkan penduduk mengalami kerugian lagi.